

24/04/2003

Hadi perlu didik ahli Pas akui wibawa Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang harus mengawal pemimpin Pas daripada terus menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pemimpin yang mengikut telunjuk Amerika Syarikat.

Timbalan Menteri Penerangan, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata meskipun Abdul Hadi ikhlas memuji kepimpinan Dr Mahathir kerana menolak bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), ada pemimpin Pas yang menafikan kejujuran itu.

Sehubungan itu, katanya, Abdul Hadi harus mendidik pemimpin Pas yang lain supaya memahami kemampuan Dr Mahathir dalam mengendalikan ekonomi negara ketika kegawatan akibat kejatuhan nilai mata wang negara pada 1997 berikutan tindakan spekulator mata wang.

"Saya masih menyimpan pita rakaman ceramah politik dua pemimpin Pas di Tanjung Malim tahun ini yang menuduh Dr Mahathir sebagai barua Amerika Syarikat.

"Kita akan mengeluarkan pita rakaman itu apabila tiba masanya nanti. Pas sebenarnya tidak faham sejarah proses pembangunan negara sejak merdeka hinggalah sekarang.

"Di satu pihak, Abdul Hadi memuji Dr Mahathir tetapi pemimpin Pas yang lain menuduh Perdana Menteri sebagai barua Amerika," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas wawancara eksklusif akhbar ini dan New Straits Times dengan Abdul Hadi, minggu lalu.